

## 118 majikan tak patuhi Perintah Gaji Minimum 2022

Seramai 118 majikan didapati tidak mematuhi Perintah Gaji Minimum 2022 sehingga 30 Jun lalu, susulan aduan diterima Jabatan Tenaga Kerja Semanjung Malaysia (JTJCSM).

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata sebanyak 157 aduan diterima JTJCSM pada Jun dan majikan diberikan nasihat untuk mematuhi.

"Sekiranya gagal, tindakan perundangan akan diambil ke atas mereka," katanya dalam sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong) mengenai statistik majikan yang melaksanakan dan ingkar serta permohonan penangguhan pelaksanaan kadar gaji minimum RM1,500 sebulan yang dikuatkuasakan mulai 1 Mei lalu.

### Belum ada tindakan

Menjawab soalan Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa (PH-Parit Buntar) mengenai bilangan majikan didakwa kerana tidak mematuhi Perintah Gaji Minimum 2022 yang berkuat kuasa mulai 1 Mei lalu, beliau berkata, belum ada majikan dikenakan tindakan undang-undang.

Katanya, ia berikutan gaji Mei hanya mula diterima oleh pekerja pada awal Jun lalu.

"Statistik majikan yang mematuhi dan tidak mematuhi Perintah Gaji Minimum 2022 masih tidak dapat disediakan berikutan kuat kuasanya perintah itu pada 1 Mei 2022 dan pematuhan hanya dapat dikenal pasti melalui pemeriksaan berkanun," katanya. Beliau menjelaskan, penangguhan kuat kuasa gaji minimum RM1,500 sebulan hanya terpakai kepada majikan mengagajikan kurang daripada lima pekerja.

Saravanan berkata, ia bagi memberi peluang kepada majikan kategori itu membuat persediaan sewajarnya.

"Kerajaan menuntutkan tiada penundaan diberi kepada mana-mana sektor ekonomi atau jenis pekerjaan kerana bantuan kepada majikan melalui pakej bantuan COVID-19 seperti Program Subsidi Upah berupaya mengekalkan perniagaan dan pekerjaan.

"Bagi memastikan semua pekerja di Malaysia mendapat manfaat Perintah Gaji Minimum 2022, JTJCSM sentiasa menjalankan pemeriksaan berkanun atau pemeriksaan mengeset ke atas majikan," katanya.

Sehingga 30 Jun lalu, katanya, 20,452 majikan diperiksa.